Bahtera yang Dilambung Ombak

PROLOG

25 Oktober 2017

Taman Chandan Putri, Kuala Kangsar, Perak.

Langit kelihatan cerah menandakan matahari baru sahaja menampakkan bayangnya. Angin pagi berhembus dengan tenangnya. Sama tenangnya dengan hati dan fikiran Arif pada pagi itu. Arif menghidupkan enjin motosikal Honda pemberian ayahnya untuk pergi ke kedai runcit berdekatan. Hajat di hati untuk mendapatkan roti Gardenia dan sardin bagi menyediakan sarapan buat dirinya dan rakan-rakan rumah sewanya. Arif meletakkan motosikalnya benar-benar di hadapan Pasar Mini Abrar. Dia lantas turun dari motosikal dan bergegas mendapatkan roti gardenia panjang. Sewaktu tangannya bergerak mencapai bungkusan roti gardenia, matanya tertangkap akan muka hadapan akhbar Berita Harian yang begitu menarik perhatiannya. Terpapar wajah artis kegemarannya di sisi kanan dada akhbar tersebut,

JOY Revfa dan Hafiz Hamidun

Hafiz, Joy Revfa cerai talak satu

Hati dan fikiran Arif yang tadinya tenang bertukar menjadi sebal dan tawar. Roti gardenia yang digenggam di tangannya itu diletakkan kembali ke rak asalnya. Berita muka depan akhbar tersebut sedikit menggugat perasaannya. Perasaan ingin tahu melonjak-lonjak dalam dirinya. Arif terus mencapai akhbar Berita Harian tersebut dan kembali mendapatkan roti gardenia dan sardin lalu meletakkannya di kaunter bayaran. Selesai melakukan pembayaran, Arif lalu bergegas menghidupkan kembali motosikalnya untuk pulang ke rumah sewanya.

Sepanjang perjalanannya, pelbagai persoalan yang hinggap di benak fikirannya. Teringat Arif akan persoalan yang pernah ditimbulkan oleh pensyarah tentang kes tersebut di dalam kelas Fiqh al-Munakahat dua minggu yang lepas. Sampai sahaja di rumah, Arif menghempaskan badannya di sofa ruang tamu rumahnya. Arif terus mengambil akhbar Berita Harian tersebut dan membuka helaian 8 bahagian **Hiburan** untuk meneliti kisah yang dipamerkan di muka hadapan. Arif membaca kisah tersebut dengan penuh tekun.

> *PETALING JAYA: "Ia episod yang sangat panjang. Saya bersyukur episod berbulan-bulan itu tamat hari ini." Kalimah itu diungkap penyanyi, Hafiz Hamidun, sebaik kes perceraiannya dengan Joy Revfa selesai di Mahkamah Rendah Syariah Subang Bestari di sini, hari ini. Hafiz, 33, atau nama sebenarnya Muhammad Hafiz Hamidun, turut memaafkan Joy Revfa dan tidak menyimpan dendam terhadap usahawan kosmetik itu. Terdahulu, Hafiz menceraikan Joy Revfa dengan talak satu pada jam 4.10 petang di hadapan Hakim Syarie Shukran Yusof selepas mahkamah membenarkan permohonan cerai yang difailkan bekas anggota kumpulan nasyid UNIC itu pada 12 Oktober lalu.*

Shukran berkata, talak satu yang dijatuhkan Hafiz adalah talak Ba-in Sughra disebabkan Joy Revfa atau nama sebenarnya Siti Arifah Mohd Amin, 30 tidak perlu menjalani edah kerana pasangan itu tidak pernah melakukan hubungan kelamin. Mahkamah juga merekodkan kedua-dua pihak tidak membuat sebarang tuntutan termasuk nafkah tertunggak dan harta sepencarian. Hafiz yang diwakili peguam Azmi Rais memfailkan permohonan itu mengikut Seksyen 47 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 selepas lima bulan menempuhi alam perkahwinan dengan Joy Revfa.

Berdasarkan notis permohonan itu, antara alasan perceraian yang dikemukakan adalah tiada lagi persefahaman antaranya dengan Joy Revfa dan tiada lagi kebahagiaan dalam rumah tangga mereka. Hafiz mendakwa isterinya sentiasa mengaibkan beliau di laman sosial, enggan menerima nasihat diberi dan ingkar dengan suruhan Hafiz sebagai suami, termasuk menjatuhkan imej dan reputasinya. Mereka mendirikan rumah tangga pada 1 Mei 2017. Joy Revfa pernah berkahwin dengan Datuk Mohd Rayus Abdul Rahim dan mempunyai seorang anak lelaki berusia tiga tahun.

Sementara itu, Hafiz ketika ditemui pemberita di luar mahkamah, mengakui tenang selepas pergolakan rumah tangga mereka berakhir. "Walaupun kami tidak mahu pengakhiran sebegini, saya pasti ada hikmah di sebaliknya. "Saya pelajari sesuatu dalam kes ini dan boleh dijadikan iktibar untuk saya dan orang lain," katanya. Joy Revfa pula menyifatkan penyelesaian itu sebagai jalan terbaik untuknya dan Hafiz. "Semuanya dah selesai. Saya nak teruskan kehidupan saya dengan anak dan perniagaan saya," katanya. Joy Revfa hadir ke mahkamah ditemani ibunya dan peguam syarie Aznor Suhaida Dolah.

EPILOG

Arif menutup akhbar yang dibacanya sambil menarik nafas lega. Isu yang digembar gemburkan kebelakangan ini akhirnya terjawab. Arif semakin memahami kes tersebut melalui pembelajarannya di kelas. Walaupun sedikit kecewa dengan perceraian yang berlaku ke atas artis kegemarannya, namun dia bersangka baik terhadap perancangan yang telah disusun rapi oleh Allah SWT. Arif kembali bergegas ke dapur untuk menyediakan sandwich tuna yang tergendala buat rakan-rakan rumah sewanya.

SOALAN

1. Berikan dalil yang berkaitan dengan kajian kes di atas?
2. Apakah bentuk pembubaran perkahwinan yang berlaku di dalam kes di atas?
3. Apakah implikasi masalah ini terhadap Hafiz Hamidun dan Joy Reva?
4. Terangkan kesan masalah ini kepada Joy Reva selepas perceraian yang berlaku?